

Kuasa memerintah negara

Umno tidak

tamaki: PM

SEP 1997

Oleh Ibrahim Yahaya dan Rosli Jalil

TAWAU, Rabu — Umno tidak tamak dan sedia mengagihkan kuasa kepada parti komponen Barisan Nasional (BN) bagi memastikan semua kaum mendapat tempat dalam pemerintahan di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno itu berkata, walaupun Umno ialah parti terbesar dalam BN, ia sedar tidak dapat memerintah secara sendiri tanpa kerjasama daripada parti komponen lain.

"Itulah sebabnya dalam pilihanraya, kita (Umno) tidak pernah meletakkan calon lebih setengah daripada jumlah kerusi di Dewan Rakyat. Kita tidak mahu menjadi kerajaan Umno tetapi mahu menjadi Kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Kita sengaja hadiahkan beberapa kawasan majoriti Melayu kepada parti rakan kita, terutama MIC yang tidak mempunyai satu pun kawasan majoriti India. Tetapi, kita sanggup membahagikan kawasan majoriti Melayu itu.

"Kalau Umno menang semua kerusi pun, kita tidak boleh bentuk kerajaan. Kita mesti bekerjasama dengan rakan kita dalam MCA, Gerakan, MIC, SUPP, PBB dan beberapa lagi," katanya ketika berucap di Perhimpunan Pemuda BN di Padang Perbandaran di sini, petang ini.

Menurut Dr Mahathir, Umno bukannya mahu mengambil semua kuasa untuk dirinya sendiri.

"Kita sedar penduduk negara ini terdiri daripada pelbagai kaum dan kita ingin bekerjasama dengan semua kaum.

"Tiada niat (Umno) hendak merebut kuasa. Saya percaya kaum lain juga tiada niat untuk merebut kuasa bagi diri sendiri," katanya.

Perdana Menteri mempersoalkan mengapa ada

pihak yang menolak konsep pemerintahan BN sedangkan ia adalah pilihan terbaik dan dunia sendiri mengakuinya.

Menurutnya, semua negeri di negara ini memilih konsep BN kecuali Kelantan dan Sabah yang sentiasa menutup mata mereka dan melihat apa yang orang lain lakukan sebagai salah.

"Inilah diamalkan beberapa pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS) selama ini yang mahu rakyat negeri ini mengikut segala kemahuan mereka. Penduduk Sabah jangan tertipu dan perlu sentiasa berfikir bahawa 16 September yang disambut hari ini adalah ulang tahun ke-29 Sabah dalam Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, penduduk Sabah sepatutnya mengingati tarikh itu sebagai titik tolak memastikan nasib negeri ini terus membangun seperti negeri lain di Malaysia.

Kira-kira 25,000 orang, termasuk pemimpin dan wakil parti komponen BN dari seluruh negara hadir di perhimpunan itu.

Sebelum itu, ketibaan Dr Mahathir dan Menteri Kabinet di lapangan terbang Tawau disambut beberapa pemimpin BN, termasuk Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun; Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Sakaran Dandai; Presiden Akar, Datuk Mark Koding dan Presiden Parti Liberal Demokratik, Chong Kah Kiat.

Rombongan Perdana Menteri diiringi 75 penunggang motosikal yang membawa bendera Malaysia ke padang perbandaran.

Pelbagai kain rentang dipasang di sekitar bandar ini mengalu-alukan kedatangan wakil Pemuda BN dari seluruh negara dan memuji ketokohan Dr Mahathir.